

KEUPAYAAN KOMUNITI KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN SUKU KAUM ORANG KUALA DI RENGIT, JOHOR

Tun Ili Ayuni Bt Ahmad Hariri^{1*}, RohayuRoddin¹, Mimi Mohaffyza Mohamad¹, MohdAnis Asri² & Mohd Shahzuan Ghazalan²

¹Faculty of Technical and Vocational Education, UTHM

* Surat menyurat:

gb150050@siswa.uthm.edu.my, rohayu@uthm.edu.my, mimi@uthm.edu.my,
hb160049@siswa.uthm.edu.my, gb150092@siswa.uthm.edu.my

Abstrak

Orang Asli dikatakan memiliki kemahiran semulajadi kerana mereka mampu kekal hidup dengan bergantung pada sumber ekonomi berasaskan alam semulajadi dimana tempat mereka diami. Hasil ekonomi yang mereka dapatkan adalah daripada hasil hutan, dan juga hasil laut. Mereka berkemahiran dalam membuat kraf tangan, membuat anyaman, bertukang, memburu makanan dan sebagainya. Pada awalnya mereka hanya bertukar barangan namun semakin lama mereka sudah pandai dalam aktiviti jual beli dikalangan masyarakat setempat dan masyarakat luar. Ini dapat dilihat melaluikaum yang berjaya membuka perniagaan sendiri seperti kaum Orang Asli di Rengit. Mereka telah berjaya menjadikan aktiviti keusahawanan ini sebagai mata pencarian utama. Aktiviti perniagaan ini pada asalnya daripada penglibatan individu telah menjadi perniagaan dalam satu komuniti kerana bilangan peniaga dalam komuniti ini yang menjual produk yang sama semakin bertambah. Tujuan kertas kerja ini dihasilkan adalah ingin melihat bagaimana keupayaan komuniti suku kaum Orang Asli Orang Kuala dalam keusahawanan dari aspek ekonomi, psikologi dan sosiologi.

Kata kunci: sosioekonomi orang asli, keusahawanan orang asli, modal insan orang asli

Abstract

Orang Asli is known to have natural skills because they are able to survive by relying on the nature-based nature of the eco-economy where they live. The economic results they get are from forest produce, as well as marine produce. They are skilled in making handicrafts, making plaiting, processing, food hunting and so on. In the beginning they were merely changing items but the longer they were clever in trading activities among local communities and outside communities. This can be seen through the communities that managed to open their own businesses such as Orang Asli in Rengit. They have successfully made this entrepreneurial activity a major quest. These business activities originally from individual engagement have become a business in one community as the number of businesses in this community who sell the same products are growing. The purpose of this paper is to see how the capabilities of the Kuala Orang Asli community in entrepreneurship from the aspects of economics, psychology and sociology.

Keywords : sosioeconomic of aboriginals, aboriginal entrepreneurship, aboriginal human capital

1.0 PENDAHULUAN

Masyarakat Orang Asli dan isu pembangunan sosioekonomi sering diperkatakan di kebanyakan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan dimana isu kemiskinan merupakan perkara yang menjadi penyebab utama kepada masalah pembangunan. Tidak dinafikan isu perubahan minda untuk masyarakat ini menjadi lebih terbuka dan memperoleh modal insan yang lebih baik masih menjadi salah satu agenda utama pihak kerajaan (JAKOA, 2015) dalam membantu kaum minoriti ini. Diantara masalah yang timbul atau yang menyumbang kepada isu kemiskinan adalah jenis pekerjaan, masalah pemilikan status tanah dan tahap pencapaian pendidikan yang rendah (Roddin et al., 2015). Perkara ini disertai dengan sikap mereka yang pasif dan tidak terbuka serta bersikap pemalu, kurang keyakinan diri dan tidak agresif (resilien) (Mustapha et al., 2010). Berdasarkan dapatan (Padmini et al., 2012) kebanyakan Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang masih lagi terlibat dengan aktiviti sara diri seperti bekerja di ladang dan pendapatan tersebut akan dihabiskan dalam masa beberapa hari sahaja.

Begitu juga dengan hasil dapatan kajian oleh (Er, C. M. Ariffin, & Pereira, 2010), yang mendapati 91% Orang Asli suku kaum Temuan di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor bergantung kepada sumber hutan untuk keperluan seharian. Manakala, kajian di kawasan Orang Asli Jakun di Kampung Peta, Johor juga menyatakan hasil dapatan sebanyak 69% komuniti ini bekerja sendiri sebagai penoreh getah dimana pendapatan yang diperoleh berubah-ubah mengikut musim (Jamiran, Seow, & Mohamed, 2013). Dapatan daripada hasil pemerhatian kajian tersebut juga mendapati majoriti suku kaum Jakun mengamalkan ekonomi sara diri seperti mengusahakan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Ini jelas menunjukkan komuniti ini masih lagi melakukan sara diri secara tradisional. Secara umumnya, Orang Asli yang dikenali sebagai kaum minoriti ini dikelaskan kepada tiga kumpulan yang besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto dan oleh kerana terdapat pelbagai suku kaum dikalangan masyarakat ini, mereka mempunyai pelbagai kelebihan dan keunikan yang tersendiri dalam mencari sumber pendapatan berdasarkan penempatan mereka.

2.0 LATAR BELAKANG

Mereka lebih mudah untuk menyara kehidupan mereka berdasarkan sumber alam yang ada di sekeliling tempat mereka tinggal sejak dari turun temurun iaitu yang dinamakan pembentukan sumber modal. Setiap kumpulan komuniti Orang Asli ini mempunyai modal insan yang tersendiri di mana modal insan merujuk kepada sekumpulan atau individu dan keupayaan mereka untuk bekerja (W A Amir Zal, 2013). Sebagai contoh dalam kajian yang dilakukan oleh (W A Amir Zal, 2013), pembentukan modal yang berbeza di antara Orang Asli Laut dan Orang Asli Darat. Menurutnya lagi, modal insan atau pekerjaan sara diri juga merujuk kepada pengetahuan tradisional yang dimiliki dan diwariskan secara turun temurun oleh sesuatu kaum dan menjadi identiti mereka (W A Amir Zal, 2013). Oleh itu modal Orang Asli Darat adalah seperti suku kaum yang dinyatakan di atas termasuk Orang Asli Temiar dan Orang Asli Batek iaitu mereka yang hidup di kawasan hutan yang gemar menjalankan aktiviti pemburuan, menggunakan sumpit dan juga pengumpulan hasil hutan.

Manakala bagi modal Orang Asli Laut pula adalah sudah semestinya kepada hasil laut dan juga persekitaran laut. Antara Orang Asli Laut yang dikenal pasti adalah Orang Kuala, Orang Seletar, Mah Meri dan Orang Kanaq. Namun dalam kajian (W A Amir Zal, 2013) kajian terhadap modal insan oleh dua suku kaum dikaji, iaitu suku kaum Orang Kuala dan juga Orang Seletar. Kajian tersebut menyatakan bahawa Orang Asli Kuala dikenali sebagai kaum yang pandai berenang dan menyelam tanpa memakai alat bantuan pernafasan dalam air. Selain daripada itu, Orang Kuala juga bijak menjahit jala, mengenal pasti cuaca melalui angin, membina togek, membuat sampian dan bijak menentukan arah pelayaran

berdasarkan kedudukan binatang. Manakala Orang Asli Seletar pula pandai menangkap ikan menggunakan tangan dan mengumpul ikan dicelah jari. Mereka juga mampu menyelam dalam tempoh yang lama dan menangkap ikan menggunakan peralatan khas iaitu panah besi yang ditembak didalam air. Kedua-dua kemahiran tersebut digunakan dalam menangkap ikan, ketam, terepang(Yusoff, Ahmad, & Din, 2009)dan sebagainya.


Namun kini, keadaan persekitaran semakin membangun dan menyebabkan sebahagian daripada mereka berpindah randah dan terpaksa mempelajari ilmu kehidupan di darat ataupun beradaptasi di suasana ekologi yang baru. Contohnya dalam kajian(Nor, Nor, Rostam, Mohamed, & Sakawi, 2009),menegaskan bahawa suku kaum Orang Asli Seletar perlu merubah aktiviti sara diri menangkap ikan demi mengatasi kemiskinan kepada kemahiran baru kerana pembangunan telah bertapak di kawasan perkampungan mereka iaitu pembangunan Wilayah Iskandar. Dalam kajian tersebut dinyatakan juga bahawa kaum Orang Asli Seletar wajar dipindahkan kepada kawasan yang boleh dimajukan pertanian. Begitu juga dengan kajian(Musa, 2011),menyatakan bahawa Orang Asli suku kaum Orang Kanaq turut menghadapi masalah kemiskinan akibat penghijrahan tempat tinggal di mana tempat tinggal berhampiran laut tersebut adalah punca rezeki utama. Mereka berada di kawasan penempatan darat berhampiran hutan dan menjadi pengumpul hasil hutan untuk menyara diri. Malangnya mereka tidak berminat dan sukar untuk beradaptasi kerana sifat tradisi sara diri mereka adalah daripada laut.

Berbalik kepada ekonomi sara diri, majoriti masyarakat Orang Asli menggunakan ekonomi sara diri seperti berburu di hutan, pertanian dan sebagainya. Walaupun telah berlaku pemodenan di persekitaran setiap kawasan pedalaman, masyarakat ini masih lagi tidak dapat berdaya saing dan memiliki sifat yang tidak mahukan perubahan. Namun tidak semua masyarakat Orang Asli tidak membangun terutama dari segi sifat dalaman dan luaran. Terdapat juga masyarakat Orang Asli yang berdaya maju dan berdaya saing dengan berani mengambil risiko untuk berniaga. Mereka masih mampu mencari sumber yang lebih baik dan tetap berbanding keadaan masyarakat Orang Asli yang lain. Contohnya, suku kaum Mah Meri dan juga suku kaum Orang Kuala. Kedua-dua mereka mengusahakan keusahawanan yang berbeza mengikut kebolehan dan kemahiran masing-masing. Kaum Mah Meri menghadapi perubahan nasional di mana kawasan mereka telah berlaku pembangunan dan dijadikan kawasan pelancongan dan mereka berupaya mengikuti arus pemodenan(Roddin, Yusof, & Sidi, 2015).Manakala Orang Kuala pula yang asalnya hidup berhampiran dengan kawasan laut kini berhijrah di penempatan kawasan yang dikelilingi oleh orang Melayu. Daripada itu, mereka belajar sendiri bagaimana penduduk tempatan bekerja mencari nafkah dan mula beradaptasi.

Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada Orang Asli Orang Kuala kerana keistimewaan mereka iaitu kebolehan beradaptasi di persekitaran yang bukan tradisi mereka. Majoriti Orang Asli Kuala yang dulunya memberi tumpuan kepada laut untuk menyara diri, telah bijak mengambil peluang untuk menghasilkan produk diproses daripada sumber laut seperti belacan dan dijual luar dari pasaran Malaysia(Wan Ahmad Amir Zal, 2013).Bermula dari itu, mereka memperoleh peluang yang lebih baik di mana rezeki mereka tidak sampai di situ sahaja. Mereka telah memperoleh ruang untuk meniaga barangan terpakai yang masih berkualiti(Roddin, Yusof, Mohamed Yusof, Ibrahim Mukhtar & Muhamad Hanafi, 2017). Tidak dinafikan pada masa kini telah meningkat penglibatan Orang Asli yang terlibat dengan aktiviti keusahawanan hasil bantuan kerajaan namun majoritinya tidak berjaya kerana kurang kesedaran yang timbul walaupun telah banyak agensi yang telah kerajaan libatkan dalam membantu mereka untuk menjadi usahawan (JAKOA 2016).Justeru, kajian ini bertujuan ingin mengkaji kejayaan keusahawanan kaum Orang Asli Orang Kuala yang diiktiraf oleh kerajaan dalam perniagaan barangan terpakai dan kepentingan terhadap kesedaran pendidikan keusahawanan di kalangan Orang Asli.

3.0 KERANGKA TEORI KAJIAN

Rajah 1 menunjukkan kerangka teoretikal yang bertindak sebagai proses awal dalam penerokaan kajian. Ianya menggunakan teori keusahawanan sebagai intipati kajian yang bersifat induktif. Ianya merujuk kepada perubahan yang di alami oleh masyarakat Orang Asli Kuala dalam sektor ekonomi mereka melalui keusahawanan. Merujuk kepada teori keusahawanan, terdapat tiga pendekatan iaitu dari segi ekonomi, sosiologi dan psikologi. Oleh itu, penyelidik mengandaikan pengalaman yang telah di alami oleh masyarakat Orang Asli Kuala dalam keusahawanan barangan elektrik terpakai adalah berkait dengan teori yang ditunjukkan. Rajah 1 di bawah menunjukkan beberapa komponen iaitu penglibatan komuniti Orang Asli, teori keusahawanan, sokongan kerajaan dan pengupayaan komuniti yang memberi hasil kepada proses perubahan keusahawanan. Hasil daripada penerokaan ini diharap akan dapat memahami bagaimana pengupayaan komuniti Orang Asli dalam keusahawanan barangan terpakai. Setelah mengetahui hasil kajian ini secara tidak langsung akan meningkatkan sumber manusia baru di kalangan Orang Asli yang lain dan akan meningkatkan penglibatan masyarakat itu ke dalam pelbagai bidang keusahawanan. Justeru, sosioekonomi masyarakat Orang Asli dapat ditingkatkan.



Rajah 1 : Kerangka Teori Kajian

4.0 KAEDAH PENYELIDIKAN


Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif secara penerokaan menggunakan kaedah kajian kes. Peserta dalam kajian ini adalah komuniti Orang Asli Orang Kuala yang terlibat dalam perniagaan barangan terpakai dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Kajian ini menurut Chua (2006), merujuk kepada prosedur pensampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai responden kajian. Kajian ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan kaedah pengumpulan dokumen. Penggunaan ketiga-tiga kaedah pengumpulan data ini membolehkan perbandingan dan pengukuhan data dilakukan (Yusoff, M., 2001). Pengumpulan data ini digunakan dalam proses kebolehppercayaan melalui teknik triangulasi. Temu bual mendalam separa struktur digunakan dalam mengumpulkan data dan data dianalisis menggunakan NVivo 11 untuk mengetahui faktor-faktor perubahan pengupayaan komuniti dalam bidang keusahawanan barangan terpakai.

4.1 Proses Pengumpulan Data Sebenar

Sebelum memulakan pengumpulan data dalam proses temu bual, persetujuan daripada responden adalah penting dan penyelidik perlu memaklumkan lokasi untuk di temu bual. Penyelidik terlebih dahulu perlu menyatakan persoalan kajian yang dijalankan serta kepentingan dalam kajian ini. Penyelidik juga memaklumkan bahawa maklumat yang tepat adalah perlu dalam mendapatkan kajian yang berkualiti. Responden juga dimaklumkan bahawa setiap temu bual akan dirakam dan di catat ketika analisis data dibuat serta segala maklumat tidak akan di hebahkan. Kaedah temu bual adalah kaedah utama dalam kajian ini manakala pemerhatian dan kaedah pengumpulan dokumen sebagai kaedah sokongan. Ketiga-tiga pengumpulan data ini digunakan untuk perbandingan dan pengukuhan data yang telah diperolehi. Teknik triangulasi digunakan untuk proses kebolehpercayaan dalam menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat dan sahih. Reka bentuk kajian kes mengutamakan temu bual mendalam bukan kerana ingin mendapat jawapan, menguji hipotesis atau menilai terma tetapi untuk memahami pengalaman hidup masyarakat lain dan mengetahui makna di sebalik pengalaman mereka.

Penyelidik akan menjalankan tinjauan awal ke lokasi kajian sebelum memulakan kajian sebenar. Tinjauan awal ini tertumpu pada pemerhatian dan temu bual tidak berstruktur seperti melihat gambaran sebenar dan kefahaman tentang perlakuan dari persekitaran kajian dengan menganggap semua aspek adalah sangat penting contoh seperti cara bertutur serta pergaulan mereka, cara mereka bertindak balas dengan orang luar, cara berpakaian dan sebagainya. Ini bertujuan untuk penyelidik menyesuaikan diri dengan persekitaran kajian sekali gus dapat mengenal dan membina hubungan dengan masyarakat sekeliling serta dapat mengetahui individu yang bertanggungjawab terhadap masyarakat di lokasi kajian ini.

Dengan ini, menerusi tinjauan awal penyelidik dapat memahami cara dan mengenali responden sebelum ditemu bual. Di samping itu, penyelidik akan berurusan dan berinteraksi dengan masyarakat di sana secara tidak langsung. Rajah 2 di bawah menunjukkan kerangka kajian yang diadaptasi dari kajian (Hashim, Othman, & Buang, 2009) yang mana akhirnya ingin mengeluarkan faktor-faktor yang ingin diketahui berdasarkan persoalan kajian.



Rajah 2 :Kerangka Kajian

5.0 DAPATAN

Penghasilan kajian ini adalah kerangka konsep pengupayaan komuniti Orang Kuala dalam bidang keusahawanan barang terpakai untuk menjadi contoh terhadap kemajuan pembangunan sosioekonomi kaum Orang Asli yang lain.

Menjadi penunjuk aras kepada pihak JAKOA bagi memperkasakan lagi kualiti bantuan pembangunan terhadap kaum minoriti ini dan mempertingkatkan kesedaran pendidikan keusahawanan di kalangan masyarakat minor.

Dapat memperkenalkan lagi kaum Orang Asli Kuala dan perniagaan mereka serta diharap dapat meningkatkan lagi kualiti perniagaan mereka agar lebih maju.

Memberi ilmu pengetahuan dan penambahan cabang ilmu dalam bidang Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

6.0 KESIMPULAN

Penyelidik berharap hasil dari penceburan komuniti ini dalam perniagaan barangan terpakai telah banyak membawa perubahan kepada diri dan persekitaran mereka. Kerangka konsep yang dihasilkan tidak boleh digeneralisasikan kepada komuniti lain tetapi boleh dipindahkan atau disesuaikan mengikut kesesuaian ciri-ciri komuniti Orang Asli yang lain.

Rujukan

- Amir Zal, W. A. (2013). Kebergantungan Orang Kuala ke atas modal insan tradisi dan kaitannya dengan pendayaupayaan ekonomi. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 47(2), 165–172.
- Amir Zal, W. A. (2013). Pembentukan modal insan Orang Asli Darat dan Laut di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 4(4), 1–14.
- Chua, Y. P., (2006). Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Er, A. C., C. M. Ariffin, Z., & Pereira, J. J. (2010). Adnan Jusoh. *Jurnal Melayu*, (5), 295–314.
- Hasan Mat Nor, Abd. Rahim Mohd Nor, Katiman Rostam, Aishah Eshah Mohamed, & Zaini Sakawi. (2009). Mengapa kami jadi begini? Konflik masyarakat Orang Seletar dan Pembangunan Iskandar, Johor Bahru, Malaysia. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 5(2), 16–26. Retrieved from <http://www.ukm.my/geografia>
- Hashim, N., Othman, N., & Buang, N. (2009). Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia Small Medium Industry (SMI) Entrepreneurs in Malaysia). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187–203.
- JAKOA. 2015. Data Maklumat Asas Jabatan Kemajuan Orang Asli 2015. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan dan Perancangan.
- JAKOA. 2016. Data Maklumat Asas Jabatan Kemajuan Orang Asli 2015. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan dan Perancangan.
- Jamiran, M. N. S., Seow, T. W., & Mohamed, M. (2013). Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli : Kajian Kes Di Kampung Peta, Johor, (November), 12–14.
- Musa, M. (2011). The socioeconomic history of the Orang Kanaq of Johor. *Kajian Malaysia*, 29(1), 47–74.
- Mustapha, R., Omar, M., Hassan, S. N. S., Yasin, R. M., & Salleh, N. M. (2010). Human Capital Development of Orang Asli Youth: Supportive and Suppressive Factors. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 7(2), 592–600. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.10.080>
- Nor, H. M., Nor, A. R. M., Rostam, K., Mohamed, A., & Sakawi, Z. (2009). Mengapa kami jadi begini? Konflik masyarakat Orang Seletar dan Pembangunan Iskandar, Johor Bahru, Malaysia. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 5(2), 16–26. Retrieved

from <http://www.ukm.my/geografia>

- Padmini, D., Hamid, S. A., Norlida, J., Mohd, H., Redzuan, S., Siti, O., ... Pengurusan, D. (2012). Transformasi Modal Insan melalui Peningkatan Pendidikan: Kajian Kes Komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang Human Capital Transformation through Education: Case Study of the Orang Asli Community in Cameron Highlands, Pahang, 2, 1215–1224.
- Roddin, R., Yusof, Y., Mohamed Yusof, A., Ibrahim Mukhtar, M., & Muhamad Hanafi, N. (2017). Kemahiran Keusahawanan Orang Asli Suku Kaum Orang Kuala Di Rengit Johor Dalam Perniagaan Barangan Terpakai. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 3(6), 92–100.
- Roddin, R., Yusof, Y., & Sidi, N. S. S. (2015). Factors That Influence The Success of Mah Meri Tribe In Tourism Sector. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 204(November 2014), 335–342. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.08.162>
- Yusoff, Y. M., Ahmad, M. N., & Din, M. A. D. (2009). Laporan Kajian Warisan Orang Kuala: Kajian Kes di Batu Pahat dan Pontian, Johor. *Jurnal Melayu*, (4), 143–160. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/3014/>
- Yusoff, M., (2011). Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif. In MahoraniYusoff (Ed.), *Penyelidikan Kualitatif ; Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (Second ed., pp. 35-60). Kuala Lumpur: Universiti Malaya